

**Sembunyi syabu RM4.8 juta di sebalik dinding**

7 Mei 2018

# Sembunyi syabu RM4.8 juta di sebalik dinding

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**KUALA LUMPUR** - Polis berjaya menemui 96.71 kilogram (kg) dadah jenis syabu bernilai RM4.8 juta yang disembunyikan di sebalik dinding rumah teres dua tingkat di Taman Bukit Idaman, Batu Caves, Selangor pada 2 Mei lalu.

Taktik digunakan Geng Ah Tee Jinjang itu berjaya dibongkar susulan penahanan empat ahli sindiket itu termasuk seorang wanita di sebuah hotel di Jalan Pasar Baharu, di sini pada pukul 7 malam.

Rumah teres yang sama pada 29 Mac lalu telah diserbu polis sehingga membawa kepada penemuan makmal dadah bawah tanah yang dikorek pada bahagian ruang tamu rumah tersebut.

Pada serbuan 29 Mac itu, polis telah menahan lima ahli kumpulan itu dan merampas pelbagai dadah yang kesemuanya bernilai RM1.268 juta.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, berpandukan maklumat yang diberikan suspek wanita berusia 35 tahun, pihaknya bertindak menyerbu semula rumah teres dua tingkat yang disewa sindiket itu untuk menyimpan dan memproses dadah.

"Hasil pemeriksaan, pihak polis menemui satu ruang khas berkeluasan 3.6 meter persegi di sebalik dinding rumah teres berkenaan yang disimen menggunakan batu blok bagi mengaburi mata pihak



**MAZLAN** (empat dari kiri) menunjukkan dadah jenis syabu yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Kuala Lumpur semalam.



**ANTARA** dadah jenis syabu yang ditemui disembunyikan di sebalik dinding sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Bukit Idaman, Batu Caves pada 2 Mei lalu.

Geng Ah Tee korek ruang tamu rumah sewa bina tempat proses syabu, heroin  
**Makmal dadah bawah tanah**



**KERATAN Kosmo!** 3 April 2018.

polis serta dihidu anjing pengesan (K9).  
"Kita memecahkan batu konkrit itu sebelum menemui 94 bungkus berisi dadah syabu seberat 96.71kg yang dianggarkan bernilai RM4.8 juta dalam satu ruang khas," katanya pada sidang akhbar di Ibu

Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur semalam.

Menurutnya, siasatan yang dijalankan mendapati, kesemua empat suspek itu dalam perancangan memecah masuk rumah sewa yang berada dalam sitaan polis bagi mengambil dadah berkenaan.

"Mereka sedang mencari pembeli dan sekiranya ada, mereka merancang untuk masuk ke rumah tersebut bagi mengambil semula dadah yang disembunyikan dalam dinding konkrit itu.

"Siasatan lanjut juga mendapati, sindiket ini aktif sejak setahun lalu dan dadah yang diproses dan siap dibung-

kus itu akan dipasarkan sekitar Lembah Klang," ujarnya.

Tambah Mazlan, empat suspek yang berusia lingkungan 35 hingga 52 tahun itu positif dadah dan dua daripada mereka mempunyai rekod lampau berkaitan dadah serta jenayah.

"Kesemua mereka kini direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," ujarnya.

*Kosmo!* 3 April lalu melaporkan teknik digunakan sindiket dadah Geng Ah Tee Jinjang yang sanggup membina makmal memproses dadah bawah tanah yang dikorek di ruang tamu rumah disewa mereka di Taman Bukit Idaman tersebut.